



KENYATAAN MEDIA

PENJANA: PELAN YANG KOMPREHENSIF DAN BERTEPATAN BAGI MEMBANTU MEMULIHKAN DAN MERANCAKKAN SEMULA SEKTOR AGROMAKANAN

1. PENJANA adalah satu pelan yang komprehensif dan bertepatan bagi membantu memulihkan dan merancaikkan semula sektor dan aktiviti ekonomi yang terjejas dalam tempoh PKP. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bantuan-bantuan strategik yang akan membantu rakyat sepanjang tempoh pemulihan ekonomi dalam semua bidang termasuk sektor agromakanan. Pemulihan ekonomi bersifat fiskal ini akan dapat melonjak sector agromakanan negara dari keadaan ekonomi yang terjejas dan secara langsung dapat membantu golongan terkesan terutamanya mereka yang mengusahakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan golongan yang berada dalam kategori B40.
2. Pengusaha PKS agromakanan yang terkesan akan dapat terus menampung kos operasi melalui Skim Pembiayaan Mikrokredit di bawah Agrobank, yang bernilai RM350 juta dengan kadar faedah serendah 3.5% sahaja. Ini akan memberikan lebih banyak peluang kepada usahawan untuk mendapatkan semula modal pusingan untuk memulakan kembali perniagaan yang kehabisan modal disebabkan PKP. Jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM50,000 dengan tempoh bayaran balik sehingga 5 tahun adalah supaya tidak membebankan pengusaha agromakanan. Skim ini adalah juga sebagai galakkan kepada usahawan baru yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan manakala bagi pengusaha sedia ada terutama peniaga pasar tani, pasar nelayan dan pasar pagi, skim ini boleh digunakan untuk memulakan semula perniagaan bagi menggantikan modal perniagaan yang terpaksa digunakan semasa tempoh PKP. Pengusaha juga digalakkan menggunakan Kemudahan Agromakanan ("AgroFood Fund") iaitu inisiatif dibawah Pakej Rangsangan Ekonomi 2020 (PRE2020) yang masih aktif.
3. Selain itu juga, Kerajaan juga mengalakkan *urban farming* atau pertanian bandar yang juga merupakan suatu tren global. Dalam hal ini, Kerajaan telah menawarkan pakej yang menarik melalui sumbangan in-kind dalam bentuk bantuan input pertanian seperti benih, baja, infrastruktur, peralatan, khidmat nasihat dan latihan kepada individu dengan nilai RM500 bagi setiap penerima dan RM50,000 bagi setiap komuniti. Golongan B40 terutama di Projek Perumahan Rakyat (PPR) amat digalakkan untuk mengusahakan antara lain tanaman jangka pendek (*cash crop*) terutama sayur-sayuran secara berkumpulan (komuniti). Pelaksanaan projek pertanian bandar ini dapat membantu mengurangkan kos sara hidup, memberi peluang pekerjaan dan menjana pendapatan tambahan bagi penduduk di bandar dan pinggir bandar. Kementerian juga akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak-pihak lain yang berkaitan untuk menjayakan inisiatif ini.
4. Selain itu, berdasarkan kepada kenaikan jumlah pengangguran semasa serta sebagai usaha mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, Kerajaan juga telah menyediakan insentif untuk memudahcara mobiliti tenaga pertanian kepada syarikat perintis bagi melatih dan mengajar tenaga kerja menceburi peluang dalam pertanian serta perladangan. Ini juga dapat menggalakkan lebih ramai golongan muda menceburi bidang agromakanan terutama mereka yang kehilangan pekerjaan tetapi berminat dengan bidang agromakanan. Justeru dengan adanya insentif ini diharapkan syarikat-syarikat akan mengambil lebih ramai pekerja tempatan dan seterusnya melatih mereka untuk menceburi bidang pertanian.

5. Manakala, inisiatif kempen e-dagang yang diumumkan juga selaras dengan inisiatif yang telah dimulakan oleh Kementerian sejak awal PKP dengan kerjasama MDEC. Kementerian telah mengenal pasti lebih daripada 50 platform e-dagang yang memasarkan produk pertanian terus kepada pengguna (B2C). Sehubungan itu, Kementerian akan terus melaksanakan inisiatif bagi menggalakkan penyertaan e-dagang dalam segmen pasaran Farm to Consumer (B2C) secara agresif. Malah, kempen “Shop Malaysia Online” akan menggalakkan rakyat berbelanja secara atas talian yang akan meningkatkan lagi permintaan di platform e-dagang.
6. Kementerian juga telah mengenal pasti beberapa platform lain yang menjual input pertanian kepada pengeluar pertanian. Sehubungan itu, Kementerian akan melaksanakan inisiatif bagi menggalakkan penyertaan e-dagang dalam segmen pasaran Business to Farm iaitu bagi pemasaran input pertanian.
7. Terkini, Kementerian sedang bekerjasama dengan beberapa platform e-dagang bagi membolehkan petani memasarkan hasil pertanian secara pukal. Fokus baharu kepada segmen pasaran Farm to Business (B2B) ini melibatkan pemedanan pengeluar dan pengusaha hasil pertanian di bawah Jabatan dan Agensi seperti FAMA, LKIM, LPP dan DOA dengan beberapa syarikat e-dagang bagi menggalakkan penyertaan petani dan nelayan. Antara platform tersebut termasuklah Ourshop Airasia, Dropee, Farm2Table dan CP3.
8. Dalam menjayakan inisiatif kempen e-dagang dibawah PENJANA, Kementerian bersedia dan akan terus bekerjasama dengan agensi peneraju serta platform e-dagang terpilih yang bersedia memberikan latihan onboarding, subsidi jualan, dan khidmat sokongan jualan untuk memastikan golongan sasar di bawah Kementerian mendapat manfaat daripada kemudahan yang telah disediakan. Saya amat menggalakkan penggunaan e-dagang oleh pengusaha agromakanan sebagai platform pemasaran yang efektif dalam menembusi pasaran dalaman dan global pada masa akan datang.
9. Kementerian akan terus memainkan peranan penting sebagai pemudahcara dalam menjayakan setiap pakej ransangan ekonomi yang diumumkan. Kementerian juga sedang melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah PRE2020 pertama dan kedua serta kini untuk PENJANA bagi memastikan sektor agromakanan dapat pulih dengan segera di setiap peringkat rantai makanan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan yang mencukupi serta berkhasiat.
10. Terdapat pelbagai skim, program dan insentif yang komprehensif telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dan semua ini mesti dilaksanakan dengan cepat, tepat dan efisien supaya dimanfaatkan oleh rakyat. Saya juga telah minta supaya semua agensi-agensi di bawah Kementerian ini termasuk Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar dan Agrobank supaya terus memainkan peranan dalam memastikan dana keterjaminan makanan, PRE serta PENJANA sampai dengan segera serta menyeluruh kepada golongan sasar di bawah sektor ini. Secara umumnya, inisiatif-inisiatif yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri kesemuanya amat bertepatan dan akan dapat membantu keseluruhan sektor ekonomi termasuk pengusaha agromakanan untuk kembali pulih dan meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing dengan terus menyumbang kepada industri agromakanan negara.

DATUK SERI DR RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
8 JUN 2020